

eadangan dari perhubungan
UMNO negeri

Mahathir mula terima senarai nama calon

Oleh
Hassan Mohd. Noor

KUALA LUMPUR 8 Sept. -- Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau telah mula menerima beberapa senarai nama calon yang dicadangkan oleh perhubungan UMNO negeri untuk bertanding dalam pilihanraya umum akan datang.

Katanya, setiap tempat boleh menyenaraikan nama yang dicadangkan tetapi senarai itu akan dikaji dan diteliti terlebih dahulu, bukannya senarai calon yang tetap akan dipilih bertanding.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO berkata demikian kepada pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO selama kira-kira tiga jam di ibu pejabat parti di sini hari ini.

Mengertai calon-calon Barisan Nasional (BN), Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, parti-parti komponen hendaklah memastikan calon-calon yang dicadangkan mempunyai rekod bersih dari jenayah atau menghadapi masalah mufis.

"Ini bagi mengelakkan kemungkinan pencalonan ditolak pada hari penamaan calon dan memberi kemenangan tanpa bertanding kepada calon lain," katanya ketika diminta mengulas bagaimana penapisan calon akan dibuat oleh BN.

Mengenai mesyuarat hari ini, Perdana Menteri berkata, antara yang dibincangkan ialah soal pilihanraya, keadaan di Teluk dan beberapa masalah lain.

Ditanya perbincangan berhubung pilihanraya, beliau berkata, secara umum majlis membincangkan kedudukan partilawan yang sentiasa tahu bila pilihanraya akan diadakan.

"Mereka sejak 1987 lagi berkata, pilihanraya akan diadakan pada tahun 57, lepas itu 88, 89 Jan sekarang tiap-tiap bulan mereka mempunyai ramalan tentang pilihanraya dan bila Parlimen

tidak dibubarkan pada 2 hingga 4 September mereka berkata akan diadakan hujung bulan ini," katanya.

Beliau berkata bagi UMNO, parti itu tidak membunt sebarang perkiiaan sebaliknya meneruskan persediaan termasuk mengadakan siri lawatan yang ketiga ke seluruh negara sekembalinya dari lawatan ke Korea.

Lawatan siri ketiga itu akan dibuat selepas melawat Sabah dan Sarawak sebagai pemimpin BN seperti yang dilakukan di negeri-negeri di Semenanjung sementara lawatan ketiga itu akan dibuat sendiri oleh beliau dan timbalannya Encik Ghafar Baba.

Katanya, beliau akan menemui kumpulan atau persatuan tertentu termasuk, kumpulan pekerja, peniaga-peniaga dan dewan pemiagaan dan perindustrian.

Beliau juga memberitahu, Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan akan turut sama dalam lawatan ke Korea dan beliau akan mengambil kesempatan itu untuk mengetahui lebih lanjut kedudukan BN di sana.

Disamping itu beliau juga mahukan pemimpin parti komponen BN lain mengatur pejumpaan dengan kumpulan sasaran mereka.

Ditanya mengenai kerusi Hamim dan Bejasa yang diberikan kepada kedua-dua parti itu sebelum meninggalkan BN, beliau berkata, jika kedua-dua parti itu masih berada dalam BN, kerusi-kerusi tersebut akan diserahkan semula.

"Oleh kerana mereka sudah masuk sebelah sana (Angkatan Perpaduan Ummah), Hamim dan Bejasa kena minta kepada Semangat 46 tetapi saya yakin tidak akan beri sekerat pun kepada mereka," katanya.

Menjawab pertanyaan sama ada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) digunakan bagi menyekdt calon-calon dalam pilihanraya akan datang memaikan isu-isu tertentu, Perdana Menteri berkata, ISA tidak akan digunakan hanya kerana isu.